



**GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN EKSA
ADTEC JERANTUT**



Our life, Our nature



KANDUNGAN

Perkara	Muka Surat
Kandungan	... 1
1.0 Tujuan Panduan Pelaksanaan EKSA	... 3
2.0 Pengenalan EKSA	... 3
3.0 Konsep EKSA (5S)	... 4
3.1 Amalan 5S	... 4
3.2 Elemen Baharu EKSA	... 5
a) Imej Korporat	... 5
b) Kreativiti Dan Inovasi	... 6
c) Amalan Hijau	... 6
d) Persekitaran Kondusif	... 6
e) Kepelbagaian Agensi	... 7
3.3 Faedah Pengalaman EKSA	... 9
3.4 Kunci Kejayaan EKSA	... 9
4.0 Pelaksanaan EKSA	... 10
4.1 Dasar/Polisi	... 10
4.2 Visi	... 10
4.3 Misi	... 10
4.4 Objektif EKSA	... 10
4.5 Logo dan Slogan EKSA	... 11
4.5.1 Logo EKSA	... 11
4.5.2 Definisi Logo	... 11
4.6 Penubuhan Jawatankuasa & Peranan	... 12
4.6.1 Carta Organisasi	... 12
4.6.2 Peranan Jawatankuasa	... 13
a) Pengerusi dan Timbalan Pengerusi EKSA	... 13
b) Ahli EKSA	... 13
c) Penyelaras EKSA	... 14
d) Fasilitator EKSA	... 14
e) Setiausaha EKSA	... 15
f) Jawatankuasa Audit EKSA	... 15
g) Jawatankuasa Latihan EKSA	... 16
h) Jawatankuasa Promosi EKSA	... 16
i) Jawatankuasa Standard EKSA	... 17
j) Ketua Zon dan Setiausaha Zon	... 17



4.7	Keperluan Sudut EKSA	...	18
4.8	Keperluan Fail	...	18
5.0	Tindakan Pelaksanaan Penyeragaman EKSA	..	19
5.1	Komponen A: Tindakan Utama Pelaksanaan	...	19
5.2	Komponen B: Ruang Tempat Kerja/Pejabat	...	22
5.3	Komponen C: Tempat Umum	...	29
5.4	Komponen D: Keselamatan Persekitaran	...	34
6.0	Penutup	...	36
7.0	Rujukan	...	37
	Lampiran 1 - Komponen Penilaian EKSA	...	38



1.0 TUJUAN PANDUAN PELAKSANAAN EKSA

Garis Panduan Pelaksanaan EKSA ini disediakan sebagai rujukan kepada warga kerja **Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dan Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM)** dalam melaksanakan **Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)** agar dapat merealisasikan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal selain dapat mengurangkan pembaziran dari segi masa, kos dan ruang.

Panduan ini menggariskan pengertian konsep EKSA, elemen-elemen EKSA, tindakan yang perlu diambil pada setiap peringkat pelaksanaan, kaedah pengauditan yang diguna pakai dan kelayakan serta syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk mendapatkan pensijilan EKSA.

EKSA seharusnya dilihat sebagai satu program/aktiviti yang menggalakkan warga kerja JTM dan ILJTM agar lebih kreatif dan inovatif dalam usaha mewujudkan persekitaran kerja yang sesuai dan mampu meningkatkan produktiviti serta kualiti penyampaian perkhidmatan.

2.0 PENGENALAN EKSA

EKSA telah diperkenalkan mulai Januari 2014 sebagai inisiatif penambahbaikan Amalan 5S yang kini dijenamakan semula kepada Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dengan mengekalkan prinsip amalan 5S iaitu Seiri (SISIH), Seiton (SUSUN), Seiso (SAPU), Seiketsu (SERAGAM) & Shitsuke (SENTIASA AMAL).

Langkah ini selaras dengan usaha memperkukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif di kalangan agensi-agensi Sektor Awam melalui penyediaan persekitaran budaya kerja dan nilai yang menjadi amalan seluruh warga kerja Agensi Sektor Awam berdasarkan Surat Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bil 1 Tahun 2014: Ekosistem Kondusif Sektor Awam.

Selain daripada itu, EKSA juga memperkenalkan model penilaian dan pengauditan baharu yang merangkumi Kriteria Generik dan Kriteria Khusus dengan mengambil kira



kepelbagaian premis agensi Kerajaan mengikut jenis-jenis perkhidmatan yang diberikan. Pendekatan *one-size-fits-all* yang dipraktikkan sebelum ini didapati kurang memadai untuk memenuhi keperluan kepelbagaian agensi Kerajaan pada masa ini.

3.0 KONSEP EKSA

3.1 AMALAN 5S

EKSA merupakan penjenamaan semula Amalan 5S yang telah diguna pakai dalam Sektor Awam sejak tahun 2010. Amalan 5S merupakan istilah asal dalam Bahasa Jepun, yang jika diterjemahkan ke Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris akan membawa maksud seperti yang dinyatakan di dalam **Jadual 1**.

Jadual 1: Istilah Bahasa Amalan 5S

Bahasa Jepun	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Maksud	Contoh
Seiri	Sisih	<i>Sort</i>	<u>Menyisih barang-barang yang tidak perlu:</u> Mengasingkan dan melupuskan barang-barang yang tidak diperlukan di tempat kerja secara sistematik.	Membuang sampah
Seiton	Susun	<i>Set In Order</i>	<u>Kekemasan:</u> Menyusun secara kemas dan sistematik, barang yang diperlukan supaya mudah diambil dan dikembalikan di tempat asal selepas digunakan.	Berupaya mendapatkan dokumen dalam tempoh 30 saat.
Seiso	Sapu	<i>Shine</i>	<u>Pembersihan:</u> Membersih dan memeriksa tempat kerja secara terperinci supaya tiada debu atau kotoran di atas lantai, peralatan dan persekitaran tempat kerja.	Tanggung jawab harian untuk pembersihan ruang dan peralatan kerja individu.



Bahasa Jepun	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris	Maksud	Contoh
Seiketsu	Seragam	<i>Standard-ization</i>	Keseragaman: Mewujudkan piawaian amalan terbaik di tempat kerja dan memastikan piawaian tersebut dipatuhi di samping memastikan tempat kerja itu bersih dan teratur sepanjang masa.	Tempat penyimpanan peralatan dan dokumen yang jelas.
Shitsuke	Sentiasa Amal	Sustain	<u>Disiplin:</u> Melatih pekerja untuk mengamal 5S secara berterusan supaya menjadi tabiat dan budaya kerja organisasi dalam merealisasikan EKSA.	Lakukan amalan 5S secara harian.

3.2 ELEMEN BAHARU EKSA

Komponen utama dalam pelaksanaan EKSA masih berteraskan kepada **Amalan 5S** yang ditambah baik, di samping penambahan beberapa elemen baharu. EKSA bukan bertujuan untuk menggantikan konsep 5S yang diamalkan sebelum ini, sebaliknya menambah baik elemen 5S tersebut dengan menyokong kepada pewujudan persekitaran kerja yang lebih kondusif. Amalan 5S ditambah baik dengan menambah lima elemen baharu, iaitu:

(a) Imej Korporat

Imej Korporat merujuk kepada identiti atau persepsi pelanggan/pihak berkepentingan terhadap persekitaran, tindakan dan pencapaian sesebuah organisasi. Nilai, etika dan norma kerja yang seragam di kalangan warga kerja amat diperlukan untuk mewujudkan budaya korporat yang positif. Selain ciri-ciri ini, EKSA juga turut menitikberatkan aspek keselamatan persekitaran kerja di kalangan warga kerja ADTEC Jerantut.



(b) Kreativiti dan Inovasi

Dalam usaha untuk mempertingkatkan produktiviti di tempat kerja, EKSA menggalakkan warga ADTEC Jerantut membudayakan elemen kreativiti dan inovasi ketika melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Persekitaran kerja dalam ADTEC Jerantut yang sering kali berubah mengikut peredaran masa menuntut pewujudan budaya organisasi yang dinamik berasaskan kreativiti dan inovasi. Warga kerja ADTEC Jerantut digalakkan untuk sentiasa berfikir di luar kotak (*out of the box*) untuk menghasilkan persekitaran kerja yang kondusif.

(c) Amalan Hijau

Penekanan turut diberikan pada aspek **Amalan Hijau** di pejabat dengan melaksanakan program dan aktiviti seperti kitar semula dan meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga ke arah penjimatan sumber. Aktiviti Amalan Hijau diharap dapat diterapkan kepada keseluruhan warga kerja ADTEC Jerantut ke arah penggunaan sumber secara optimum.

(d) Persekitaran Kondusif

Persekitaran kondusif adalah penting dalam memperkukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif di kalangan warga kerja ADTEC Jerantut. Amalan EKSA menggalakkan warga kerja ADTEC Jerantut untuk memberikan penekanan kepada sistem penyampaian perkhidmatan yang mesra pelanggan dan memberi keselesaan ketika berurusan. Bagi pelanggan orang kurang upaya (OKU), kemudahan yang bersesuaian seharusnya disediakan. Begitu juga dalam perspektif mengarusperdanakan elemen gender sebagai satu pendekatan baharu yang perlu diberi warga kerja ADTEC Jerantut memberi keutamaan.



(e) Kepelbagaian Agensi

EKSA memperkenalkan model penilaian dan pengauditan baharu yang merangkumi kriteria generik dan kriteria khusus dengan mengambil kira kepelbagaian premis Jabatan/Agensi Kerajaan mengikut jenis perkhidmatan yang diberikan. Pendekatan yang dipraktikkan sebelum ini iaitu, *one size fits all* didapati kurang mencakupi keperluan kepelbagaian Jabatan/ Agensi Kerajaan pada masa kini.



IMEJ KORPORAT

KREATIVITI & INOVASI



PERSEKITARAN KONDUSIF



AMALAN HIJAU




KEPELBAGAIAN AGENSI



Rajah 1: 5 Komponen Elemen Baharu

3.3 FAEDAH PENGAMALAN EKSA



Rajah 2: Faedah Pengamalan EKSA

3.4 KUNCI KEJAYAAN EKSA



Rajah 3: Kunci Kejayaan EKSA

4.0 PELAKSANAAN EKSA

4.1 POLISI



4.2 VISI

Mencapai budaya kerja cemerlang dan persekitaran berkualiti menerusi Amalan EKSA selaras dengan imej ADTEC Jerantut sebagai peneraju latihan kemahiran negara.

4.3 MISI

Membudayakan Amalan EKSA secara bersepadu dan berdisiplin berteraskan kualiti kerja dan berterusan dengan mengutamakan kebersihan, kekemasan, kecekapan dan keselamatan.

4.4 OBJEKTIF EKSA

- a) Mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selamat, selesa dan kondusif.
- b) Menerapkan nilai-nilai kreativiti dan inovasi di kalangan warga kerja.
- c) Membudayakan Amalan Hijau di tempat kerja.

4.5 LOGO DAN SLOGAN EKSA

4.5.1 Logo EKSA



4.5.2 Definisi Logo



Empat (4) kelopak bunga melambangkan gabungan 4 bidang dan teknologi yang terdapat di ADTEC Jerantut iaitu Kimpalan, Pembuatan, IPD dan Polimer



Sehelai daun melambangkan ADTEC Jerantut yang prihatin kepada kelestarian alam sekitar




Sepuluh bulatan melambangkan gabungan keperluan jasmani dan rohani yang diterapkan untuk semua pegawai dan kakitangan dan pelajar di ADTEC Jerantut

Tulisan 'ADTEC Jerantut' dan 'Our Life Our Nature' dalam bentuk bulatan menunjukkan komitmen yang tinggi dan tindakan sepakat semua pihak dalam melaksanakan EKSA di ADTEC Jerantut


Slogan "Our life, our nature" menggambarkan bahawa pelaksanaan EKSA diadaptasi dalam kehidupan seharian dan menjadi budaya kerja, di samping mementingkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar

4.6 PENUBUHAN JAWATANKUASA & PERANAN

4.6.1 Carta Organisasi Jawatankuasa Pemandu dan Pelaksana EKSA



Rajah 4: Carta Organisasi Jawatankuasa Pemandu EKSA ADTEC Jerantut



Rajah 5: Carta Organisasi Jawatankuasa Pelaksana EKSA ADTEC Jerantut



4.6.2 Peranan Jawatankuasa

(a) Pengerusi dan Timbalan Pengerusi

- i. Menentukan hala tuju keseluruhan pelaksanaan EKSA;
- ii. Membentuk pelan tindakan pelaksanaan EKSA;
- iii. Menetapkan dasar, peraturan dan garis panduan;
- iv. Menentukan belanjawan dan sumber-sumber kewangan;
- v. Melantik penyelararas, ketua jawatankuasa dan fasilitator;
- vi. Menetapkan sistem pengiktirafan/penghargaan;
- vii. Mengawasi dan menilai kemajuan pelaksanaan; dan
- viii. Memantau kemajuan pelaksanaan EKSA melalui contoh amalan terbaik.

(b) Ahli EKSA

- i. Membantu menentukan hala tuju keseluruhan pelaksanaan EKSA;
- ii. Membantu membentuk pelan tindakan pelaksanaan EKSA;
- iii. Membantu menetapkan dasar, peraturan dan garis panduan;
- iv. Membantu menentukan belanjawan dan sumber-sumber kewangan;
- v. Membantu melantik penyelararas, ketua jawatankuasa dan fasilitator;
- vi. Membantu menetapkan sistem pengiktirafan/penghargaan;
- vii. Membantu mengawasi dan menilai kemajuan pelaksanaan; dan
- viii. Membantu memantau kemajuan pelaksanaan EKSA melalui contoh amalan terbaik.



(c) Penyelaras EKSA / Pelaksana

- i. Membantu menentukan hala tuju keseluruhan pelaksanaan EKSA;
- ii. Memastikan pelan tindakan pelaksanaan EKSA berjalan sepertimana yang telah dirancang;
- iii. Menjadualkan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA;
- iv. Menyelarar pelaksanaan EKSA;
- v. Melaporkan kemajuan dan status pelaksanaan EKSA dalam Mesyuarat Penyelarasan Bahagian;
- vi. Lain-lain tugas berkaitan dengan pelaksanaan EKSA.

(d) Fasilitator EKSA

- i. Memberikan latihan dan panduan kepada ketua zon, ahli serta lain-lain JK EKSA jika diperlukan
- ii. Menyelarar buku panduan pelaksanaan EKSA;
- iii. Merangka dan memantau pelaksanaan EKSA sepertimana yang telah ditetapkan dalam pelan pelaksanaan EKSA;
- iv. Menjadi perantara untuk menyampaikan maklumat terkini antara pihak pengurusan dengan kumpulan pelaksana;
- v. Menyelarar aktiviti-aktiviti EKSA yang dianjurkan;
- vi. Menjadi pakar rujuk bagi pelaksanaan EKSA di Jabatan;
- vii. Memastikan pelaksanaan peraturan-peraturan keselamatan yang telah ditentukan seperti yang terdapat di dalam Buku Arahan Keselamatan;
- viii. Bertanggungjawab terhadap pembentangan dan penyelarasan audit Persijilan EKSA; dan
- ix. Lain-lain tugas berkaitan dengan pelaksanaan EKSA.



(e) Setiausaha EKSA

- I. Menyelaras buku panduan pelaksanaan EKSA;
- II. Menyelaras Laporan EKSA;
- III. Menyelaras sudut EKSA;
- IV. Menguruskan mesyuarat EKSA;
- V. Memantau aktiviti pencapaian EKSA;
- VI. Memastikan semua dokumen berkaitan EKSA dikemaskini;
- VII. Bertanggungjawab terhadap dokumen dan penyelarasan audit Persijilan EKSA
- VIII. Lain-lain tugas berkaitan dengan pelaksanaan EKSA.

(f) JK Audit EKSA

- i. Menyediakan kriteria audit dalam EKSA;
- ii. Menentukan kekerapan aktiviti audit dalam EKSA;
- iii. Menyediakan laporan dan analisis keputusan audit dalam EKSA;
- iv. Melapor serta mewawarkan keputusan audit kepada semua warga;
- v. Menyemak kriteria audit dalam EKSA dari semasa ke semasa mengikut keperluan;
- vi. Bertanggungjawab terhadap persediaan dan penyelarasan audit Persijilan EKSA
- vii. Lain-lain aktiviti yang berkaitan dengan audit EKSA.



(g) JK Latihan EKSA

- i. Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti latihan bagi memupuk budaya EKSA kepada semua warga kerja dalam organisasi;
- ii. Mengenal pasti jenis latihan yang diperlukan dari semasa ke semasa bagi mengukuhkan aktiviti EKSA;
- iii. Menyelaras dan memastikan setiap warga kerja diberikan latihan EKSA secukupnya; dan
- iv. Lain-lain aktiviti yang berkaitan dengan latihan EKSA.

(h) JK Promosi EKSA

- i. Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti promosi EKSA;
- ii. Mengenal pasti serta menguruskan aktiviti/kempen promosi (seperti countdown board dan pertandingan logo EKSA) bagi memupuk kesedaran penyertaan untuk menjayakan pelaksanaan EKSA;
- iii. Menyelaras serta mengendalikan aktiviti Go Green / Recycle EKSA;
- iv. Menganalisis keberkesanan aktiviti promosi yang telah dilaksanakan;
- v. Menyelaras lawatan penandaarasan dari Jabatan lain ke ADTEC Jerantut;
- vi. Melaporkan status pelaksanaan aktiviti dan tahap kesedaran EKSA di kalangan warga jabatan/agensi; dan
- vii. Lain-lain aktiviti yang berkaitan dengan promosi.



(i) JK Standard EKSA

- i. Menyediakan format label yang seragam bagi fail, pergerakan kakitangan dan lain-lain dokumen/tempat standard untuk kakitangan dan seluruh kawasan Ibu Pejabat ADTEC Jerantut;
- ii. Menyediakan layout kawasan kerja yang standard;
- iii. Memastikan semua kawasan yang digazetkan menggunakan label yang seragam;
- iv. Lain-lain aktiviti yang memerlukan penyeragaman.

(j) Ketua Zon

- i. Mengadakan mesyuarat secara berkala dengan ahli-ahli kumpulan;
- ii. Menggalakkan penglibatan semua ahli dalam pelaksanaan EKSA;
- iii. Merancang aktiviti kumpulan;
- iv. Memastikan semua ahli kumpulan mematuhi peraturan dan panduan yang disediakan;
- v. Memberikan maklum balas mengenai status pelaksanaan EKSA kepada fasilitator;
- vi. Membantu memberikan panduan dan tunjuk ajar kepada ahli-ahli kumpulan; dan
- vii. Lain-lain aktiviti yang berkaitan dengan pengukuhan dan pelaksanaan EKSA.



4.7 KEPERLUAN SUDUT EKSA

Sudut EKSA perlu mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. Polisi EKSA agensi
- ii. Carta organisasi
- iii. Gambar aktiviti SEBELUM & SELEPAS
- iv. Pelan lantai
- v. Carta Perbatuan semasa
- vi. Informasi/hebahan
- vii. Tarikh kemaskini sudut EKSA

Serta pastikan maklumat dan bahan yang dipaparkan sentiasa dikemaskini dan dalam keadaan baik.

4.8 KEPERLUAN FAIL

Setiasusaha, Ketua Jawatankuasa dan Ketua Zon hendaklah menyelenggara dan menyimpan dan mengemaskini dokumen berikut di *EKSA System* (EKSA's) :

- i. Dasar EKSA
- ii. Visi & Misi EKSA
- iii. Objektif EKSA
- iv. Carta Organisasi Zon
- v. Minit Mesyuarat/ Nota Perbincangan Kumpulan (mingguan/bulanan) dan Tindakan Susulan
- vi. Pelan Tindakan Aktiviti
- vii. Pelan Lantai Zon EKSA
- viii. Gambar-gambar aktiviti Kaizen SEBELUM dan SELEPAS.
- ix. Keputusan Audit dan Jadual Audit
- x. Kriteria Menjalankan Pengauditan



5.0 TINDAKAN PELAKSANAAN PENYERAGAMAN EKSA

Terdapat 6 komponen utama untuk pelaksanaan EKSA di tempat kerja, iaitu:

- i. Komponen A: Keperluan Utama Pelaksanaan
- ii. Komponen B: Ruang Tempat Kerja/Pejabat
- iii. Komponen C: Tempat Umum
- iv. Komponen D: Keselamatan Persekitaran
- v. Komponen E: Kawasan Persekitaran
- vi. Komponen F: Tempat Khusus

5.1 KOMPONEN A: KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN

5.1.1 Dasar/Polisi EKSA

- (a) KSM telah mengeluarkan memo pelaksanaan EKSA bagi peringkat Jabatan dan Agensi bertarikh 27 Disember 2016 agar EKSA dilaksanakan bermula Januari 2017.
- (b) Pelancaran pelaksanaan EKSA diperingkat JTM telah dilaksanakan pada 30 Mac 2017 dan ke arah persijilan EKSA pada tahun 2017.
- (c) Manakala ADTEC Jerantut telah melancarkan Pelaksanaan EKSA pada 27 Oktober 2017 dan mensasarkan ke arah persijilan EKSA pada tahun 2018.

5.1.2 Jawatankuasa Pelaksanaan

- (a) Melantik Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA, iaitu:
 - Jawatankuasa Latihan
 - Jawatankuasa Promosi
 - Jawatankuasa Audit
 - Jawatankuasa Standard
- (b) Melantik Fasilitator yang kompeten sebagai pakar rujuk.



- (c) Melantik Ketua-ketua Zon pelaksanaan EKSA yang mewakili Zon dan Aras/Bahagian/Unit.
- (d) Menggalakkan perkongsian maklumat di Sudut EKSA dengan memaparkan aktiviti yang dijalankan.
- (e) Merancang pelaksanaan program/aktiviti EKSA secara berkala.

5.1.3 Penglibatan Pengurusan Atasan

- (a) Pengarah ADTEC Jerantut adalah Penaung kepada Jawatankuasa Pelaksana EKSA ADTEC Jerantut.
- (b) Pelaksanaan EKSA dilaporkan di dalam Mesyuarat Pengurusan ADTEC Jerantut.

5.1.4 Penilaian Kendiri

- (a) Melaksanakan audit pematuhan atau audit dalaman sekurang-kurangnya 2 kali setahun untuk memastikan proses ini berjalan lancar.
- (b) Menyebarkan hasil/laporan Audit Dalam untuk makluman dan tindakan susulan/penambahbaikan warga kerja ADTEC Jerantut.
- (c) Mengemukakan laporan penilaian kendiri kepada MAMPU selepas setahun menerima pensijilan, bagi Pensijilan Semula.

5.1.5 Pengiktirafan

- (a) Melaksanakan sekurang-kurangnya lima (5) program pengiktirafan Ekosistem EKSA seperti:
 - i. Zon Cemerlang
 - ii. Bilik Cemerlang
 - iii. Workstation Cemerlang
 - iv. Tandas Cemerlang
 - v. Hasil kreativiti Cemerlang
 - vi. Anugerah Go Green Cemerlang
- (b) Menerima pengiktirafan dan ditandaaras oleh Jabatan lain.



- (c) Menyebar luas dan mempamerkan pengiktirafan yang diterima kepada warga kerja.

5.1.6 Pembudayaan Kreativiti dan Inovasi

- (a) Melaksanakan Inovasi/penandaarasan untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja.
- (b) Melaksanakan program/aktiviti yang kreatif dan inovatif seperti:
 - i. Menggunakan bahan-bahan terpakai untuk hiasan, dengan masih mengekalkan imej korporat.
 - ii. Menggunakan bahan-bahan terpakai untuk kegunaan EKSA.

5.1.7 Tindakan Penjimatan/ Go Green

- (a) Melaksanakan sekurang-kurangnya tiga (3) program penjimatan tenaga/sumber seperti:
Notis/Arahan Penjimatan Tenaga/Air
 - Penggunaan Elektrik
 - Penjimatan kertas/menggunakan *recycle paper* untuk draf
 - Penjimatan Air
 - Kempen hijau
- (b) Melaksanakan program kitar semula peringkat ADTEC Jerantut.
- (c) Menyediakan analisis penjimatan dari segi kos, masa, pengurangan tenaga kerja dan lain-lain – jika berkaitan.



5.2 KOMPONEN B: RUANG TEMPAT KERJA/PEJABAT

(a) Fizikal

5.2.1 Lantai

- (a) Pastikan tong sampah ada disediakan, lantai dalam keadaan selamat dan tidak licin, tiada kekotoran atau sampah sarap serta tidak berlubang/pecah atau rosak.
- (b) Program pemantauan bagi memastikan jadual pembersihan sentiasa dipatuhi.
- (c) Inisiatif/ tindakan proaktif pembaikan sekiranya berlaku kerosakan dirancang dengan segera, sekiranya ada.

5.2.2 Dinding/*Partition* Pegawai

- (a) Dinding bersih dari sebarang kekotoran dan sentiasa dalam keadaan baik.
- (b) Hiasan yang disediakan perlulah bersesuaian dan minimum serta mempamerkan imej korporat.
- (c) Tanda nama penuh dan jawatan perlu dipamerkan di ruang tempat kerja masing-masing termasuk bilik pegawai.
- (d) Segala dokumen yang dipamerkan hendaklah tersusun kemas dan teratur.
- (e) Senarai aset alih Kerajaan menggunakan KEW-PA 7 terkini hendaklah dipamerkan untuk memudahkan pemeriksaan berjadual oleh Pegawai Aset terhadap aset yang telah dipertanggungjawabkan di penempatan pegawai.
- (f) Status pergerakan pegawai dipamerkan di Papan Kenyataan Pergerakan Pegawai.



5.2.3 Siling

- (a) Siling sentiasa berada dalam keadaan yang bersih dan baik.
- (b) Label dan tunjuk arah yang bersesuaian disediakan.
- (c) Sebarang kerosakan peralatan elektrik perlu segera dilaporkan kepada Syarikat Penyelenggaraan Bangunan atau Bahagian Khidmat Pengurusan JTM.

5.2.4 Lampu dan soket

- (a) Pelan lampu / suis dipamerkan dengan dengan jelas dan mudah difahami.
- (b) Semua lampu perlu bersih, berfungsi dengan baik.
- (c) Semua soket elektrik perlu berfungsi dengan baik.
- (d) Sebarang kerosakan peralatan elektrik perlu segera dilaporkan kepada Bahagian Pentadbiran JTM
- (e) Adakan tanda peringatan **“TUTUP SUIS SELEPAS DIGUNAKAN”** atau **‘JIMATKAN ELEKTRIK.**

(b) Keperluan Umum

5.2.5 Peralatan Pejabat

- (a) Alat tulis disusun dengan kemas dan selamat di dalam laci. (Alat tulis di atas meja perlu diminimumkan)
- (b) Peralatan pejabat sentiasa berkeadaan baik, bersih dan sentiasa boleh digunakan dengan selamat.
- (c) Semua barang yang disimpan dalam ruang tertentu / laci bertanda atau berlabel.
- (d) Tatacara penggunaan peralatan gunasama perlu dipamerkan dengan jelas dan mudah difahami.
- (e) Arahan/Notis bagi memastikan peralatan disusun kemas dan dipamerkan di tempat bersesuaian.
- (f) Susun Atur Peralatan Pejabat:



- (g) Semua perabot dan peralatan pejabat tersusun kemas, berkeadaaan baik serta tidak mengancam keselamatan dan kesihatan pekerja.
- (h) Kreativiti menyusun perabot dan peralatan adalah digalakkan supaya dapat mewujudkan suasana yang lebih selesa, ceria dan berimej korporat.

5.2.6 Tanda Arah / Petunjuk / Peringatan

- (a) Tanda peringatan yang sesuai diletakkan pada peralatan yang berisiko seperti **AWAS** pada plug yang terdedah, atau **SILA PADAM LAMPU SELEPAS DIGUNAKAN** pada plug lampu yang terbabit.
- (b) Tanda nama pegawai perlu seragam dan diletakkan pada setiap *partition* dan bilik pegawai.
- (c) Tanda arah, petunjuk dan peringatan perlu diletakkan di tempat yang strategik serta mudah dilihat oleh orang ramai.

5.2.7 Hiasan Dalaman

- (a) Hiasan yang bersesuaian dengan imej ADTEC Jerantut, mudah, jimat untuk diselenggarakan serta kedudukannya tidak mengancam keselamatan dan kesihatan pekerja.
- (b) Maklumat korporat boleh dipamerkan pada tempat bersesuaian tetapi tidak keterlaluan dari segi kuantiti dan sentiasa dikemaskini (Contoh: Carta Organisasi, Piagam Pelanggan, Dasar Kualiti dan sebagainya).
- (c) Dinding yang kotor akibat kesan tampalan dibersihkan sebaiknya.
- (d) Sekiranya penggunaan hiasan pokok bunga plastik dan pokok bunga hidup digunakan, penyelenggaraan diperlukan bagi mengelak habuk terperangkap dan kerosakan pada karpet.
- (e) Pastikan semua hiasan yang dibuat tidak berdebu, tidak kotor dan sentiasa berada dalam keadaan baik.
- (f) Susunan hiasan sentiasa kemas, tersusun, menyenangkan pergerakan, dan tidak mengancam keselamatan pekerja.



(c) Ruang Kerja

5.2.8 Meja Kerja Warga/Kubikel Kerja

- (a) Di bahagian atas meja:
- i. Satu (1) tray surat (jika ada) dan dilabelkan.
 - ii. Alat tulis yang ingin diletakkan di atas meja perlulah minimum dan selebihnya disimpan di dalam laci alat tulis.
 - iii. Telefon dan keyboard PC sentiasa dalam keadaan bersih.
 - iv. Fail-fail yang sedang digunakan/diari/organizer dan peralatan hendaklah disusun dengan kemas dan teratur pada setiap masa.
 - v. *Rubber stamp* yang aktif perlu dilabelkan dan disenaraikan (tidak termasuk *self-ink rubber stamp*).
- (b) Di bahagian bawah/tepi meja
- i. Wayar/kabel (untuk ICT dan elektrik) perlu dikemaskan dengan menggunakan bahan-bahan yang sesuai seperti *black tape/cable casing/cable tie*).

5.2.9 Laci (*Pedestal Drawer*) / Laci Besi

- (a) Laci meja (*Pedestal Drawer*) dilabelkan dengan kemas dan seragam.
- (b) Sekiranya pegawai dibekalkan dengan meja jenis **3 laci** (*Pedestal Drawer*), penggunaan ruang laci boleh seperti berikut:
- i. Laci paling atas dilabelkan "ALAT TULIS" dan dikhaskan penggunaannya kepada alat-alat tulis dan disusun kemas
 - ii. Laci tengah dilabelkan "RASMI" dan diguna bagi menempatkan dokumen-dokumen rasmi seperti diari, planner dan buku catatan.



- iii. Laci bawah dilabelkan “PERIBADI” dan diguna bagi menempatkan alatan/ barang peribadi seperti beg tangan, dompet, telefon bimbit dan lain-lain.
 - iv. Pegawai hendaklah patuh kepada laci yang telah dilabel iaitu barang yang berkaitan dengan urusan rasmi dan barang peribadi tidak boleh bercampur.
- (c) Sekiranya pegawai dibekalkan dengan **kabinet besi (4 laci)**, penggunaan ruang laci perlu dilabelkan seperti berikut:
- i. Kabinet besi 4 laci adalah dikhususkan penggunaannya untuk menempatkan dokumen/fail rasmi.
 - ii. Sekiranya pegawai memerlukan laci peribadi, ianya hanya dibenar menggunakan ruang laci paling bawah (laci ke-4).

5.2.10 Kerusi

- (a) Kerusi tetamu dan kerusi kerja hendaklah tersusun rapi ketika tidak digunakan.
- (b) Pegawai hanya dibenarkan menyangkut **satu (1) blazer** sahaja.
- (c) Pastikan kerusi berada pada tahap selamat untuk diduduk, tidak bergoyang, selesa dan bersih.

5.2.11 Bilik Pegawai

- (a) Bilik pegawai haruslah sentiasa dalam keadaan yang bersih dan kemas.
- (b) Sekiranya terdapat cermin di hadapan bilik masuk pegawai, ianya perlu dipastikan cermin tersebut tidak ditutup dengan bahan seperti surat khabar, polistren atau lain-lain yang boleh menghalang pandangan.
- (c) Pastikan Tirai/*Vertical Blind* berfungsi dengan baik dan kemas (sekiranya dibekalkan).
- (d) Senarai aset alih Kerajaan KEW-PA 7 terkini perlu dipaparkan.



5.2.12 Stor Peralatan Pejabat

- (a) Pintu Stor
 - i. Pelan lantai stor yang mudah dilihat dengan jelas dan difahami.
 - ii. Etika penggunaan dan peraturan pengambilan barang dari stor perlu ada, dipatuhi dan dipaparkan kepada warga kerja.
 - iii. Tanda nama pegawai bertugas perlu dipamerkan.

- (b) Dalam Stor
 - i. Stor sentiasa dalam keadaan bersih, tidak berdebu dan tersusun kemas.
 - ii. Terdapat tanda/label /abjad bersesuaian bagi tiap-tiap bahan/ komponen barangan (mengikut Tatacara Pengurusan Stor).
 - iii. Sistem rekod inventori disediakan adalah jelas dan teratur untuk memudahkan barang tersebut diambil / dicapai / dicari.
 - iv. Peralatan sokongan pengurusan stor dalam keadaan baik dan berfungsi (troli dan tangga).
 - v. Tanda arah, petunjuk dan peringatan perlu diletakkan di tempat yang strategik serta mudah dilihat oleh warga.
 - vi. Semua barang / bahan dilabelkan dengan jelas dan kemas.

- (c) Simpanan Barang Di Stor
 - i. Barang-barang disusun dengan teratur supaya tidak menghalang kerja-kerja pemunggaran dan laluan kakitangan.
 - ii. Pastikan bahan-bahan yang rosak tidak bercampur dengan bahan yang masih boleh digunakan.
 - iii. Barang-barang berharga dan menarik hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan dikawal oleh pegawai yang bertanggungjawab.
 - iv. Penanda aras minima disediakan bagi semua barang di dalam stor.



5.2.13 Bilik Fail

- (a) Pastikan bilik fail dalam keadaan yang bersih, tidak berdebu, tersusun dan kemas.
- (b) Memastikan peralatan, kabinet dan rak berada dalam keadaan teratur, baik dan kemas.
- (c) Memastikan fail disusun kemas dengan teknik susunan yang berkesan bagi memudahkan carian/capaian dalam tempoh 30 saat.
- (d) Menyediakan senarai indeks dan nombor fail di setiap tepi rak.
- (e) Menyediakan label yang jelas dan mudah dilihat pada setiap fail/dokumen yang mengandungi:
 - i. Tajuk dokumen
 - ii. Nombor susunan fail
- (f) Menyediakan sistem kawalan dan pergerakan fail untuk semua kategori fail aktif/fail tertutup.

5.2.14 Bilik Dokumentasi/Bilik Cetak

- (a) Pastikan bilik dokumentasi/bilik cetak dalam keadaan yang bersih, tidak berdebu, tersusun, kemas dan selamat.
- (b) Pastikan etika / tatacara penggunaan mesin dipaparkan.
- (c) Pastikan meja kerja kemas, bersih dan peralatan disusun dengan baik.
- (d) Menyediakan perhiasan yang minimum dan selaras dengan imej korporat.



5.3 KOMPONEN C: TEMPAT UMUM

5.3.1 Lobi Utama/Ruang Hadapan

- (a) Persekitaran lobi utama/ ruang utama hadapan sentiasa bersih, kemas dan berimej korporat.
- (b) Semua peralatan di lobi utama sentiasa disusun kemas dan berkeadaan baik.
- (c) Laluan umum bersih dan tidak dihalang dengan sebarang halangan seperti barang/peralatan yang boleh mengganggu ruang laluan.
- (d) Maklumat seperti pelan strategik/misi/visi/piagam pelanggan dan maklumat korporat Kementerian sentiasa perlu dikemaskini dan dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
- (e) Beberapa perkara berikut disediakan di lobi utama:
 - i. Buku Pendaftaran Pelawat
 - ii. Carta Organisasi
 - iii. Sudut informasi untuk pelanggan
 - iv. Perhiasan yang bersesuaian dengan imej korporat

5.3.2 Kaunter Utama/Ruang Kaunter

- a. Persekitaran lobi utama/ ruang utama hadapan sentiasa bersih, kemas dan berimej korporat.
- b. Semua peralatan di lobi utama sentiasa disusun kemas dan berkeadaan baik.
- c. Laluan umum bersih dan tidak dihalang dengan sebarang halangan seperti barang/peralatan yang boleh mengganggu ruang laluan.
- d. Maklumat seperti pelan strategik/misi/visi/piagam pelanggan dan maklumat korporat Kementerian sentiasa perlu dikemaskini dan dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
- e. Beberapa perkara berikut disediakan di lobi utama:



- i. Sistem maklum balas pelanggan
- ii. Direktori warga agensi
- iii. Borang-borang/brosur berkaitan
- iv. Bahan bacaan/informasi
- v. Info mengenai agensi/piagam pelanggan
- vi. Perhiasan yang bersesuaian dengan imej korporat

5.3.3 Ruang Menunggu

- a. Sofa atau kerusi perlu disediakan di ruang menunggu untuk pelanggan dan perlu dipastikan sentiasa dalam keadaan baik, bersih, teratur dan selaras dengan imej korporat.
- b. Memastikan bahan bacaan untuk pelanggan disediakan dan disusun rapi dan edisi terkini.
- c. Menyediakan tong sampah yang bersesuaian.

5.3.4 Bilik Mesyuarat/Bilik Bincang

Pastikan Bilik Mesyuarat / Bilik Bincang berada dalam keadaan berikut:

- a. Lantai yang bersih, tidak berdebu dan tiada kekotoran.
- b. Peralatan/kemudahan dalam keadaan sempurna, bersih, tidak berhabuk, boleh digunakan dengan baik, dan disusun kemas ketika tidak digunakan.
- c. Maklumat berkaitan mesyuarat hendaklah dipamerkan di pintu Bilik Mesyuarat. Contoh: Penggunaan Papan Tanda (*slot in board*).
- d. Hiasan berbentuk korporat boleh menaikkan suasana bilik dan perlu ada penyelenggaraan yang berkala (Contoh: gambar, maklumat pencapaian JTM/ Bahagian, pernyataan dasar kualiti/hala tuju, Piagam Pelanggan dan lain-lain).
- e. *White board* (papan putih) hendaklah dibersihkan selepas mesyuarat selesai.
- f. Pastikan pemadam dan *marker* pen diletakkan di tempat yang disediakan.



- g. Jam dinding perlu diletak di tempat yang sesuai dan pastikan ianya berfungsi.
- h. Pastikan barang-barang elektronik seperti LCD Projektor, mikrofon dan *power supply* ditutup sebelum meninggalkan bilik mesyuarat.
- i. Senarai aset alih Kerajaan KEW-PA 7 terkini perlu dipaparkan.
- j. Etika penggunaan bilik mesyuarat perlu disediakan dan diletakkan di lokasi yang bersesuaian.
- k. Pegawai bertanggungjawab (PIC) perlulah dilantik bagi menguruskan kebersihan bilik mesyuarat/bilik bincang.

5.3.5 Perpustakaan/Pusat Sumber

- a. Perpustakaan sentiasa dalam keadaan bersih dan kemas.
- b. Sistem penyusunan buku perlu sistematik, memudahkan pencarian dan buku diletakkan pada posisi yang mudah dicapai (seperti tanda/label/abjad/bahan).
- c. Peralatan/kemudahan yang disediakan dalam keadaan baik.
- d. Kemudahan tanda arah/maklumat keterangan dan petunjuk disediakan dan mudah dilihat.
- e. Senarai aset alih Kerajaan KEW-PA 7 terkini perlu dipaparkan.

5.3.6 Surau/Bilik Solat

Perkara-perkara berikut perlu dilaksanakan untuk menjadikan surau/bilik solat tempat yang selesa untuk beribadat:

- a. Semua peralatan/kemudahan (contoh: kemudahan tempat berwuduk) perlu berada dalam keadaan sempurna dan boleh digunakan dengan baik.
- b. Lantai tidak berdebu, tidak basah dan sentiasa bersih untuk keselesaan ramai.



- c. Telekung, kain pelekat dan sejadah hendaklah disusun, dilipat atau digantung dengan kemas
- d. Pintu masuk hendaklah dilabelkan dengan perkataan **"SURAU/ BILIK SOLAT"**.
- e. Almari/kabinet/rak/penyidai adalah dibenarkan mengikut keperluan.
- f. Buku-buku bacaan agama hendaklah disusun kemas di dalam almari/kabinet/rak yang disediakan.
- g. Penanda arah kiblat hendaklah ditandakan di siling surau/bilik solat dengan jelas.
- h. Selipar/kasut hendaklah tersusun rapi.
- i. Cermin muka disediakan untuk kemudahan orang ramai.
- j. Penggunaan pewangi (air freshener) digalakkan untuk mendapatkan suasana yang sentiasa segar.
- k. Jam dinding disediakan untuk panduan dan pastikan ianya berfungsi.
- l. Senarai aset alih Kerajaan KEW-PA 7 terkini perlu dipaparkan.
- m. Pegawai bertanggungjawab (PIC) perlulah dilantik bagi menguruskan kebersihan surau/bilik solat.

5.3.7 Pantri/Tempat Minum

Pantri merangkumi semua pantri yang ada di setiap Jabatan atau Bahagian di ADTEC Jerantut:

- a. Pelan lantai yang jelas dan mudah difahami dipaparkan.
- b. Semua peralatan berada dalam keadaan baik, bersih dan tersusun.
- c. Persekitaran bilik bersih, kemas dan selamat.
- d. Senarai aset alih Kerajaan KEW-PA 7 terkini perlu dipaparkan.



5.3.8 Tandas

- a. Permukaan lantai sentiasa bersih dan kering.
- b. Peralatan/kelengkapan seperti cecair pencuci tangan dan kertas tisu yang perlu ada secukupnya di dalam tandas.
- c. Permukaan dinding keseluruhannya bersih termasuk dinding tiles dan pintu utama.
- b. Siling di dalam keadaan yang sempurna, tiada kebocoran dan tidak bersawang.
- c. Semua lampu berfungsi dengan baik.
- d. Pintu-pintu tandas berfungsi dengan sempurna, bersih lengkap dengan penyelak pintu.
- e. Mangkuk tandas dalam keadaan sempurna dan boleh digunakan dengan selamat serta flushing *system* berfungsi dengan baik.
- f. Sinki dalam keadaan bersih, tidak tersumbat dan paip air berfungsi dengan sempurna.
- g. Meja sinki dan cermin muka dalam keadaan bersih.
- h. Jika tempat mengambil wuduk disediakan, pastikan ianya sentiasa bersih dan semua paip berfungsi dengan baik.
- i. Tandas Orang Kelainan Upaya (OKU) berada dalam keadaan baik dan berfungsi.
- j. Senarai semak kerja-kerja penyelenggaraan pembersihan dipaparkan pada pintu bilik air.
- k. Tandatangani Pegawai bertanggungjawab bagi pengesahan kerja pembersihan yang dilaksanakan, perlu dibuat setiap hari.



5.4 KOMPONEN D: KESELAMATAN PERSEKITARAN

5.4.1 Pelan Tindakan Kecemasan (Pelan Kesenambungan Perkhidmatan)

- (a) Pelan Tindakan Kecemasan Mengandungi:
 - i. Arahan Keselamatan yang lengkap.
 - ii. Latihan pengungsian bangunan (*Fire Drill*)
 - iii. Tanda amaran.
 - iv. Pelan laluan kecemasan dan tempat berkumpul.
 - v. Peruntukan arahan keselamatan dipatuhi sepenuhnya.
 - vi. Lampu kecemasan yang mudah dilihat, berfungsi dengan baik dan tiada halangan.

5.4.2 Pendawaian/Kabel

- (a) Pendawaian elektrik/telefon/kabel komputer dalam keadaan kemas teratur dan selamat.
- (b) Pastikan plug dilabel mengikut kesesuaian peralatan elektrik yang digunakan.

5.4.3 Peralatan Pencegahan Kebakaran (Pelan Kesenambungan Perkhidmatan)

- (a) Pastikan alat pemadam api berfungsi, mempunyai jadual penyelenggaraan, mempunyai tatacara penggunaan, berkeadaan bersih, diletakkan ditempat yang sesuai dan mudah dicapai.
- (b) Pastikan gelung hos pemadam api disediakan dan boleh digunakan.
- (c) Pastikan pili bomba tidak dihalang dan dalam keadaan yang baik.

5.4.4 Laluan/Tangga Kecemasan

- (a) Tangga laluan kecemasan tidak dihalang (Contoh: Barang-barang pra pelupusan)
- (b) Pastikan pintu rintangan api sentiasa ditutup.
- (c) Paparkan tanda arah "KELUAR" dengan jelas.



5.4.5 Kunci

- (a) Anak kunci dilabel/ditanda dan memenuhi tatacara keselamatan dan disimpan di dalam ruang penyimpanan yang selamat.
- (b) Senarai anak kunci disimpan dengan selamat oleh pegawai bertanggungjawab.
- (c) Buku Log Peminjaman Kunci hendaklah disediakan dan diselenggara dengan baik.



6.0 PENUTUP

Menerusi Garis Panduan Pelaksanaan EKSA yang telah diwujudkan ini diharap dapat membantu warga kerja ADTEC Jerantut dalam melaksana dan membudayakan amalan EKSA secara berterusan dan sekali gus dapat meningkatkan kualiti dalam mewujudkan suasana persekitaran yang kondusif, selamat dan ceria. Dengan pelaksanaan EKSA ini, ia merupakan pemangkin ke arah pencapaian inspirasi Pengurusan Tertinggi menjadikan ADTEC Jerantut sebagai sebuah organisasi cemerlang dan disegani.

7.0 RUJUKAN

- 7.1 Garis Panduan Pelaksanaan EKSA Jabatan Tenaga Manusia
- 7.2 Buku Panduan Pelaksanaan EKSA, MAMPU Tahun 2015.
- 7.3 Garis Panduan Keselamatan Kebakaran di Premis Perhimpunan Awam, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- 7.4 Jabatan Perkhidmatan Awam, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007, Panduan Pengurusan Pejabat.
- 7.5 Kementerian Kewangan Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan.
- 7.6 Kementerian Kewangan Malaysia, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009, Tatacara Pengurusan Stor Kerajaan.
- 7.7 Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Arahan Keselamatan Kerajaan.
- 7.8 Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Panduan Amalan 5S Sektor Awam, 2010.



LAMPIRAN 1

KOMPONEN PENILAIAN EKSA



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN EKSA (V2)
ADTEC JERANTUT**

KOMPONEN GENERIK							
KOMPONEN A (JTM/ILJTM)							
KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN	1	2	3	4	5	MARKAH	
A1) DASAR / POLISI EKSA							
1	Menyediakan Garis Panduan selaras dengan Dasar EKSA agensi.	Garis panduan tidak disediakan		Garis panduan disediakan kepada sebahagian warga agensi		Garis panduan disediakan kepada semua warga agensi	
2	Menyebarkan Dasar dan Garis Panduan EKSA serta memastikan semua warga kerja memahaminya.	Dasar dan Garis Panduan EKSA tidak disebarkan		Dasar dan Garis Panduan EKSA disebarkan dan difahami oleh sebahagian warga		Dasar dan Garis Panduan EKSA disebarkan dan difahami oleh semua warga	
3	Memastikan Amalan EKSA diamal dan dipatuhi oleh semua warga agensi.	Amalan EKSA tidak diamal dan dipatuhi oleh warga agensi		Amalan EKSA diamal dan dipatuhi oleh sebahagian warga agensi		Amalan EKSA diamal dan dipatuhi oleh semua warga agensi	
4	Memastikan dokumentasi berkaitan pelaksanaan EKSA termasuk perkara berikut disusun dengan teratur dan sentiasa dikemaskini: i. Minit mesyuarat ii. Surat lantikan Jawatankuasa iii. Laporan aktiviti Jawatankuasa	Dokumentasi tidak teratur dan tidak dikemaskini		Sebahagian dokumentasi teratur dan dikemaskini		Semua dokumentasi teratur dan dikemaskini	
5	Mewujudkan keseragaman pelaksanaan EKSA seperti ketetapan agensi/garis panduan yang dibangunkan oleh agensi.	Tiada keseragaman		Keseragaman pada sebahagian agensi		Keseragaman pada keseluruhan agensi	



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN EKSA (V2)
ADTEC JERANTUT

KOMPONEN GENERIK							
KOMPONEN A (JTM/ILJTM)							
KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN	1	2	3	4	5	MARKAH	
A2) JAWATANKUASA PELAKSANA EKSA							
6	a) Menyedia dan memaparkan SUDUT EKSA di tempat yang strategik (secara maya atau fizikal) dan mengandungi perkara-perkara berikut: I. Dasar EKSA agensi II. Carta organisasi III. Gambar aktiviti SEBELUM & SELEPAS IV. Pelan lantai V. Carta Perbatuan semasa VI. Informasi/hebahan VII. Tarikh kemaskini sudut EKSA b) Memastikan maklumat dan bahan yang dipaparkan sentiasa dikemaskini dan dalam keadaan baik.	Sudut EKSA tidak disediakan	Sudut EKSA disediakan tetapi hanya mengandungi dua perkara seperti dicadangkan	Sudut EKSA disediakan tetapi hanya mengandungi tiga hingga empat perkara seperti dicadangkan	Sudut EKSA mengandungi semua perkara seperti dicadangkan	Sudut EKSA mengandungi semua perkara seperti dicadang serta dipaparkan secara kreatif dan inovatif	
		Tidak terkini dan tidak berada dalam keadaan baik		Sebahagian sahaja yang terkini dan dalam keadaan baik		Terkini dan berada dalam keadaan baik	
A2) JAWATANKUASA PELAKSANA EKSA							
7	a) Membentuk dan melantik Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA yang terdiri sekurang-kurangnya tiga (3) Jawatankuasa seperti berikut: I. Jawatankuasa Latihan II. Jawatankuasa Promosi III. Jawatankuasa Audit IV. Jawatankuasa Standard b) Melantik fasilitator terlatih sebagai pakar rujuk pelaksanaan Ekosistem EKSA.	Jawatankuasa Pelaksana tidak dibentuk dan tidak dilantik		Jawatankuasa Pelaksana dibentuk dan dilantik tetapi hanya mempunyai satu hingga dua jawatankuasa yang disyorkan		Jawatankuasa Pelaksana dibentuk dan dilantik serta mempunyai semua jawatankuasa yang disyorkan	
		Fasilitator tidak dilantik		Fasilitator dilantik tapi tidak terlatih		Fasilitator telah dilantik dan terlatih	
8	Merancang dan melaksana program/ aktiviti EKSA secara berkala seperti berikut: i. Menyedia dan mengemaskini carta perbatuan aktiviti ii. Menyebar maklumat latihan, promosi dan audit iii. Melaksana program pengayaan ilmu	Program/aktiviti EKSA tidak dirancang dan dilaksanakan		Program/aktiviti EKSA dirancang tetapi tidak dilaksanakan		Program/aktiviti EKSA dirancang dan dilaksanakan	



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN EKSA (V2)
ADTEC JERANTUT**

KOMPONEN GENERIK							
KOMPONEN A (JTM/ILJTM)							
KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN	1	2	3	4	5	MARKAH	
A3) PENGLIBATAN PENGURUSAN ATASAN							
9	Melibatkan pengurusan atasan sebagai penaung/penasihat EKSA.	Pengurusan atasan bukan penaung/penasihat EKSA				Pengurusan atasan sebagai penaung/penasihat EKSA	
10	Melibatkan pengurusan atasan dalam aktiviti EKSA seperti program kesedaran/pendedahan dan lawatan.	Program tidak dilaksanakan	Mempunyai program kesedaran/pendedahan yang kurang aktif	Mempunyai program kesedaran/pendedahan yang aktif tanpa penglibatan pengurusan atasan	Mempunyai program kesedaran/pendedahan yang aktif dengan sebahagiannya melibatkan pengurusan atasan	Mempunyai program kesedaran/pendedahan yang aktif dengan penglibatan pengurusan atasan sepenuhnya	
11	Membentang dan melaporkan pelaksanaan aktiviti EKSA dalam mesyuarat pengurusan.	Aktiviti EKSA tidak dibentang dan dilaporkan dalam mesyuarat pengurusan		Sebahagian aktiviti EKSA dibentang dan dilaporkan dalam mesyuarat pengurusan		Semua aktiviti EKSA dibentang dan dilaporkan dalam mesyuarat pengurusan	
A4) PENILAIAN KENDIRI (SELF ASSESSMENT)							
12	Melaksana Audit Pematuhan/Audit Dalam secara berterusan sama ada oleh jawatankuasa dalaman atau agensi luar/lain sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.	Audit Dalam tidak dilaksanakan		Audit Dalam dilaksanakan sekali dalam satu tahun		Audit Dalam dilaksanakan mengikut jadual	
13	Menyebarkan hasil/laporan Audit Dalam untuk makluman dan tindakan susulan warga agensi.	Hasil/laporan Audit Dalam tidak disebarkan		Hasil/laporan Audit Dalam disebarkan kepada sebahagian warga		Hasil/laporan Audit Dalam disebarkan kepada semua warga	
14	Mengemukakan laporan Penilaian Kendiri kepada MAMPU selepas setahun menerima pensijilan (hanya untuk pensijilan semula)	Laporan Penilaian Kendiri tidak dikemukakan kepada MAMPU				Laporan Penilaian Kendiri dikemukakan kepada MAMPU	



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN EKSA (V2)
ADTEC JERANTUT**

KOMPONEN GENERIK							
KOMPONEN A (JTM/ILJTM)							
KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN	1	2	3	4	5	MARKAH	
A5) PENGIKTIRAFAN							
15	Melaksanakan program pengiktirafan Ekosistem EKSA di peringkat agensi seperti contoh-contoh anugerah berikut: i. Zon Cemerlang ii. Bilik Cemerlang iii. Bahagian Cemerlang iv. Workstation Cemerlang v. Tandas Cemerlang vi. Hasil kreativiti Cemerlang vii. Anugerah Go Green Cemerlang	Program pengiktirafan tidak dilaksanakan	Satu hingga dua program pengiktirafan dilaksanakan	Sekurang-kurangnya tiga program pengiktirafan dilaksanakan	Empat program pengiktirafan dilaksanakan	Lima atau lebih program pengiktirafan dilaksanakan	
16	Menerima pengiktirafan dan ditandaarasa sama ada di peringkat jabatan/daerah/negeri/kebangsaan atau lain-lain.	Tiada pengiktirafan diterima/tidak ditandaarasa oleh agensi lain-lain.		Menerima pengiktirafan tetapi tidak ditandaarasa oleh agensi lain		Menerima pengiktirafan dan ditandaarasa oleh agensi lain	
17	Menyebarkan dan mempamerkan maklumat mengenai program pengiktirafan kepada semua warga agensi.	Program pengiktirafan tidak disebarkan		Program pengiktirafan disebarkan dan dipamerkan kepada sebahagian warga		Program pengiktirafan disebarkan dan dipamerkan kepada semua warga	
A6) PEMBUDAYAAN KREATIVITI DAN INOVASI							
18	Melaksanakan inovasi/Best Practice yang boleh meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja warga.	Program inovasi/ <i>Best Practice</i> tidak dilaksanakan				Program inovasi/ <i>Best Practice</i> dilaksanakan	
